



JABATAN PERTANIAN MALAYSIA

PROSEDUR PENGENDALIAN SEMAIAN BENIH PADI DI BAWAH SKIM PENGESAHAN BENIH PADI

19 MEI 2009



PRAKATA

Manual ini dikeluarkan sebagai panduan kepada pengeluar bagi mengendalikan semaian benih padi di bawah Skim Pengesahan Benih Padi (SPBP) Jabatan Pertanian.

Semua maklumat dan bahan-bahan daripada penerbitan ini boleh dirujuk dan digunakan dalam apa bentuk jua dengan syarat sumber rujukan dinyatakan dengan jelas.

Edisi Pertama

19 Mei 2009

Dikeluarkan oleh :

Jabatan Pertanian Malaysia

Aras 7-17, No. 30, Persiaran Perdana

Presint 4

62624 Putrajaya

Jika ada sebarang pertanyaan mengenai manual ini sila hubungi talian atau faks kepada:

Ibu Pejabat PTIF, Putrajaya	–	03 - 88703205/06/78 (Tel)
	–	03 - 88889295 (Faks)
Unit PTIF, Telok Chengai, Kedah	–	04 - 7711140 (Tel)
	–	04 - 7713807 (Faks)
Unit PTIF, Bumbung Lima, P. Pinang	–	04 - 5751124 (Tel)
	–	04 - 5758224 (Faks)
Unit PTIF, Titi Gantong, Perak	–	05 - 3761243 (Tel)
	–	05 - 3764066 (Faks)
Unit PTIF, Sg. Burong, Selangor	–	03 - 32413430 (Tel)
	–	03 - 32411972 (Faks)
Unit PTIF, Ajil, Terengganu	–	09 - 6803557 (Tel)
	–	09 - 6904093 (Faks)
Unit PTIF, Lundang, Kelantan	–	09 - 7442668 (Tel)
	–	09 - 7472786 (Faks)



KANDUNGAN

TUJUAN	1
PENGENALAN	1
SYARAT-SYARAT DAN PROSEDUR	2
Keperluan Dan Kemudahan Tapak Semaian	2
Sumber Benih Padi	2
Penyemaian Benih Padi	3
Pemeriksaan Anak Semaian Padi	5
Penghantaran Anak Semaian Padi Dan Penanaman	
Di Petak Sawah	6
PENGURUSAN REKOD	7
PENUTUP	7

SENARAI RAJAH

Rajah 1	: Jarak Pemencilan Antara Kategori, Varieti dan Pengeluar	4
---------	---	---

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1	: Daftar Rekod Benih Padi	9
Lampiran 2	: Daftar Rekod Semaian Padi	10
Lampiran 3	: Label Tapak Semaian	11
Lampiran 4	: Nota Hantaran	12

PENGENALAN

Tapak semaian yang lengkap, sesuai dan bersistematik adalah pra-syarat asas bagi memastikan biji benih yang disemai dapat bercambah dengan baik dan subur. Bagi tapak semaian yang digunakan untuk pengeluaran benih padi di bawah Skim Pengesahan Benih Padi Sah, ia perlu diuruskan dengan sempurna mengikut syarat yang ditetapkan bagi memastikan ia tidak tercemar akibat percampuran varieti atau diserang perosak berbahaya.

Prosedur ini disediakan sebagai panduan kepada pengeluar benih bagi mengendali dan mengurus semaian benih padi di bawah Skim Pengesahan Benih Padi (SPBP) Jabatan Pertanian.

Prosedur ini mengariskan syarat dan prosedur yang perlu dipatuhi oleh pengeluar yang mengendali dan menguruskan tapak semaian khususnya bagi kaedah penanaman menggunakan jentera menanam. Prosedur ini juga turut terpakai bagi pengeluar yang menggunakan tapak semaian batas bagi kaedah manual (mencedung) dengan menyatakan tindakan yang bersesuaian dengan kaedah tersebut.

Bagi memenuhi keperluan untuk tujuan pengeluaran benih, setiap pengeluar perlu menyediakan sendiri kemudahan infrastruktur yang diperlukan atau melantik pembekal perkhidmatan atau pesawah individu yang berkemampuan berdasarkan syarat yang ditetapkan bagi menyediakan anak semaian untuk tujuan penanaman di ladang yang ditetapkan.

Manual ini juga mengariskan tatacara dalam membuat perakuan pematuhan kepada syarat dan prosedur yang ditetapkan di bawah Skim Pengesahan Benih Padi Sah Jabatan Pertanian iaitu melalui pemeriksaan dan pengauditan secara berkala atau secara *ad-hoc*. Pemeriksaan dan pengauditan akan dibuat oleh Pegawai Inspektorat Unit Padi, Tanaman Industri dan Florikultur (PTIF) Negeri berkaitan.

SYARAT-SYARAT DAN PROSEDUR

Kemudahan dan Keperluan Tapak Semaian Padi

Bagi kaedah penanaman menggunakan jentera menanam, setiap tapak semaian perlu mempunyai kelengkapan asas berikut :

- i) Kemudahan tempat merendam benih induk
- ii) Jentera penyediaan media dan menyemai
- iii) Tapak hamparan dulang semaian benih
- iv) Sistem pengairan
- v) Dulang semaian yang mencukupi

Setiap pusat tapak semaian yang dimiliki atau dilantik mestilah mampu menyediakan anak semaian yang mencukupi mengikut kitaran pengeluaran yang ditetapkan. Di samping itu, setiap pengeluar digalakkan memiliki jentera menanam bagi memperkemarkan lagi operasi penanaman. Operasi di tapak semaian perlu diurus oleh anggota kerja yang berpengalaman.

Bagi teknik penanaman secara manual (mencedung), syarat-syarat berikut perlu dipatuhi :

- i) Pihak yang menyediakan semaian adalah pesawah yang berdaftar dalam borang SAP 2 yang dipohon.
- ii) Tapak yang dipilih untuk membina batas semaian perlulah pernah ditanam dengan varieti yang sama sekurang-kurangnya satu musim.
- iii) Tapak semaian perlu disediakan dalam lot mengikut varieti dan kategori yang ditetapkan dalam borang SAP 2.

Sumber Benih Padi

Sumber benih yang digunakan mestilah daripada kategori yang ditetapkan dan yang diperakui oleh pihak yang ditetapkan bagi pembiakan generasi seterusnya. Pengeluar atau pembekal perkhidmatan yang dilantik perlu merekodkan semua transaksi perolehan dan penggunaan benih bagi setiap kitaran pengeluaran dalam buku daftar stok benih padi seperti di dalam Lampiran 1. Pengeluar juga



hendaklah menyimpan semua bukti pembelian atau penerimaan benih induk yang digunakan sebagai dokumen sokongan. Semua rekod transaksi hendaklah dikemaskini dari masa ke semasa dan akan di periksa dan diaudit oleh Pegawai Inspektorat Unit PTIF Negeri berkaitan.

Penyemaian Biji Benih Padi

Merendam Benih

Semua bekas atau takungan yang digunakan untuk merendam benih padi perlu bersih dan bebas daripada sebarang unsur yang boleh mencemar dan menjejaskan percambahan benih. Rendam setiap konsignan benih mengikut kategori dan varieti secara berasingan bagi mengelakkan sebarang kesilapan.

Penyemaian Benih Padi

Semua mesin menyemai dan dulang semaian hendaklah dibersihkan sebelum kerja-kerja penyemaian benih dimulakan. Mesin menyemai juga hendaklah dibersihkan jika berlaku pertukaran kategori dan varieti benih padi yang digunakan. Dulang semaian yang telah siap disemai hendaklah disusun dan diasingkan mengikut kategori, varieti dan pengeluaran. Pengeluar hendaklah memastikan tidak berlaku percampuran kategori dan varieti semasa menyusun dulang-dulang yang telah disemai. Semua rekod transaksi semaian padi hendaklah direkodkan dalam buku daftar semaian padi seperti di dalam Lampiran 2.


Bagi teknik penanaman secara manual (mencedung), semai benih mengikut kategori dan varieti di tapak semaian secara berasingan. Tapak semaian perlu disediakan dalam lot, mengikut varieti dan kategori yang ditetapkan di dalam Borang SAP 2.

Membentang Dulang Semaian

Selepas dua (2) hari benih disemai, dulang semaian perlu disusun berbaris dan diasingkan mengikut kategori, varieti, pengeluaran dan konsignan benih padi dalam blok yang ditetapkan di tapak semaian. Jika melibatkan bilangan dulang semaian yang banyak bagi setiap konsignan, hamparkan 15 dulang bagi setiap

barisan dengan meninggalkan ruang mencukupi antara barisan untuk tujuan pemeriksaan. Blok kategori, varieti dan pengeluar yang berbeza hendaklah diasingkan dengan menggunakan halangan fizikal atau mewujudkan ruang dua kali ganda (2X) jarak pemeriksaan. Susunan dulang semaian seperti di dalam Rajah 1 dan pasang label bagi setiap blok kongsinan dulang semaian tersebut. Maklumat label anak semaian seperti di dalam Lampiran 3.

Rajah 1. Jarak Pemencilan Antara Kategori, Varieti dan Pengeluar



Penjagaan Anak Semaian Padi

Anak semaian padi perlu diurus dan diawasi dengan sempurna. Pengeluar hendaklah melaksanakan langkah-langkah pengawalan air, pembajaan dan pengurusan perosak bagi memastikan kesuburan anak semaian padi. Semua anak semaian perlu bebas daripada penyakit berbahaya yang ditetapkan. Hanya anak semaian yang bebas daripada penyakit berbahaya sahaja akan diterima dan dulang semaian yang dijangkiti penyakit berbahaya hendaklah diasingkan dan tidak dibenar digunakan untuk pengeluaran benih.

Pemeriksaan Tapak Semaian Padi

Pemeriksaan tapak semaian bertujuan untuk memastikan tapak semaian padi tersebut sedia untuk membuat semaian padi serta memastikan kesahihan kategori, varieti dan sumber benih padi yang digunakan serta tidak berlaku percampuran. Pemeriksaan dibuat mengikut peringkat iaitu peringkat pra-semai dan peringkat pra-edar. Pengeluar perlu memohon daripada Ketua Pegawai Inspektorat Unit PTIF Negeri berkaitan bagi melaksanakan kerja-kerja pemeriksaan yang ditetapkan. Pengeluar atau wakil pengurusan dikehendaki hadir semasa pemeriksaan dijalankan.

Pemeriksaan Pra-semai

Pemeriksaan pra-semai dijalankan sebelum kerja-kerja penyemaian benih padi bermula. Ianya melibatkan pemeriksaan ke atas tapak semaian padi dan sumber benih padi yang digunakan. Pemeriksaan juga melibatkan kebersihan mesin semaian, dulang semaian dan tapak semaian padi sebelum operasi penyemaian dimulakan. Kerja-kerja penyemaian padi hanya boleh dimulakan selepas mendapat kelulusan daripada Pegawai Inspektorat Unit PTIF Negeri berkaitan.

Pemeriksaan Pra-edar

Pemeriksaan pra-edar ke atas anak semaian padi dijalankan selepas satu minggu kerja-kerja pembetangan dulang selesai dilaksanakan dan sebelum penghantaran anak semaian padi ke lokasi untuk tujuan penanaman. Ianya melibatkan pemeriksaan anak semaian padi dan pemeriksaan rekod-rekod penggunaan benih dan jadual penghantaran. Pemeriksaan turut melibatkan pemantauan kepada serangan penyakit, rumpai atau perosak berbahaya yang mungkin menyerang anak semaian padi serta percampuran kategori dan varieti benih padi. Hanya anak semaian padi yang sihat dan menepati keperluan iaitu bebas daripada serangan penyakit, rumpai atau perosak dan disahkan mengikut varieti dan kategori yang ditetapkan sahaja dibenarkan diedar untuk ditanam di lot-lot yang telah ditetapkan. Anak semaian padi boleh diedar untuk ditanam setelah mendapat perakuan daripada Pegawai Inspektorat Unit PTIF Negeri berkaitan.



Bagi teknik penanaman secara manual (mencedung), anak semaian boleh diubah setelah mendapat perakuan kelulusan daripada Pegawai Inspektorat Unit PTIF Negeri berkaitan berdasarkan syarat yang ditetapkan.

Penghantaran Anak Semaian Padi dan Penanaman Di Petak Sawah

Penghantaran Anak Semaian Padi

Semua penghantaran anak semaian padi ke petak sawah yang ditetapkan hendaklah direkodkan dalam buku daftar stok semaian padi. Semua nota hantaran atau invoice hendaklah disediakan dan disimpan sebagai bukti penghantaran anak semaian padi untuk tujuan penanaman. Maklumat nota hantaran atau invoice yang diperlukan seperti di dalam Lampiran 4. Kegagalan mengurus penghantaran semaian dengan sempurna dan tidak mengemukakan maklumat yang diperlukan boleh mengakibatkan penanaman dibatalkan.

Penanaman Di Petak Sawah

Pengeluar hendaklah memastikan anak semaian padi hanya ditanam dalam petak sawah yang didaftarkan dalam Borang SAP 2 sahaja. Sebarang perubahan penanaman di petak sawah hendaklah dimaklumkan kepada Pegawai Inspektorat Unit PTIF Negeri berkaitan terlebih dahulu untuk pemeriksaan sebelum penanaman dimulakan.

Bagi teknik penanaman secara manual (mencedung, penanaman hendaklah menggunakan anak benih dari tapak semaian di petak sawah yang didaftarkan dalam Borang SAP 2 sahaja.

PENGURUSAN REKOD

Bagi menyokong semua proses pengendalian dan pengurusan semaian mematuhi prosedur yang ditetapkan, pengeluar dikehendaki mewujudkan dan menguruskan dengan baik semua rekod-rekod tapak semaian yang ditetapkan iaitu :



- i) Rekod penerimaan sumber benih padi
- ii) Rekod pengeluaran sumber benih padi bagi tujuan membuat anak semaian padi
- iii) Rekod penyediaan anak semaian padi
- iv) Rekod penghantaran anak semaian padi untuk tujuan penanaman

Pengeluar disyorkan untuk menggunakan format yang disediakan bagi menyediakan dan menguruskan rekod-rekod tapak semaian padi masing-masing. Rekod-rekod ini hendaklah dikemaskini dan disimpan untuk tujuan semakan yang akan dibuat oleh Pegawai Inspektorat Unit PTIF Negeri berkaitan dari semasa ke semasa.

PENUTUP

Garis panduan ini perlu diguna bersama dengan Prosedur Skim Pengesahan Benih Padi Jabatan Pertanian. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat dan prosedur atau terdapat maklumat atau kaedah yang mencurigakan boleh mengakibatkan kelayakan untuk menggunakan anak semaian untuk pengeluaran akan dibatalkan.



DAFTAR REKOD BENIH PADI

Pembekal : Sendi Enterprise
Kategori Benih : Daffar
Varieti : MR219

[illegible]



Compton
N PADI

Varieti : MR219

[illegible]

LABEL PETAK SEMAIAN

Pembekal : Sendi Enterprise

No. Blok Petak Semaian : A 01

Tarikh Semai : 01 Julai 2008

Tarikh Bentang : 03 Julai 2008

Varieti : MR 219

Kategori Benih : Daftar

No. Lot Benih : BB/B/0108/0001

Bil. Tray : 1000

Pengeluar : Bernas

Contoh



Lampiran 4

No. siri : 0001

NOTA HANTARAN

Pembekal : SENDI INTERPRISE

Vareiti : MR219

Kategori Benih : Daftar

No. Blok Semaian : A01

Bilangan (dulang) : 250

**Pengeluar /
Rakan Benih** : Bernas

Penerima : Ahmad b. Abu

Lokasi Tanaman : Sg. Burong

No. Lot Sawah : 4567

Tarikh Hantar : 26 Julai 08

No.Lori : KYJ 2007

Contoh

Tandatangan Pemandu Lori

.....
Nama : Ahmad Bin Awang

Tandatangan & cop pembekal

Tandatangan Penerima

.....
Nama :

.....
Nama : Ahmad b. Abu